



**TALKING POINTS**

**YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**

**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA**

**TUPA OPERASI *FOOD TRUCK* KUALA LUMPUR**

**DI**

**STADIUM BOLA SEPAK CHERAS, WP KUALA LUMPUR**

**12 NOVEMBER 2021 (JUMAAT)**

**WAKTU : 8.00 MALAM**

## **Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera**

- 1. Sebagai satu revolusi baharu dalam usaha mentransformasikan perniagaan konvensional yang berkonsepkan kanopi dan meja di Kuala Lumpur, pihak Kementerian dan DBKL telah mewujudkan konsep yang lebih moden dan mudah alih iaitu *Food Truck* selaras dengan matlamat Usahawan Moden bertaraf dunia menjelang 2030. Ianya seiring dalam mewujudkan landskap usahawan yang berdaya saing di kalangan golongan rentan di ibu kota supaya mereka dapat menaiktaraf kehidupan mereka kepada yang lebih baik serta meringankan kos sara hidup terutamanya golongan B40.**
- 2. Antaranya adalah mewujudkan beberapa lokasi berpusat bagi usahawan *Food Truck* di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi membolehkan usahawan ini mempunyai lokaliti yang sesuai dan sistematik untuk berniaga.**
- 3. Selain daripada itu Kementerian juga telah menyediakan sumbangan dana melalui peruntukan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) berjumlah RM 3.1 Juta sejak 2018 bagi setiap 2 tahun yang telah memberi impak yang begitu besar sehingga menarik minat kepada golongan usahawan muda yang ingin berkecimpung di dalam dunia usahawan.**

4. Sehingga September 2021, DBKL telah menyediakan 7 lokasi *hot spot* dan 138 lokasi *pit stop* diseluruh WP Kuala Lumpur yang telah memberi manfaat kepada 250 *food truckers* untuk berniaga. Ianya telah mendapat tempat dihati warga kota kerana konsep perniagaan ini lebih mudah dan tidak menggunakan ruang yang besar.
5. Pengisian program ini juga telah di tambah baik dari semasa ke semasa dengan tambahan nilai kepada penaiktrafan kemudahan awam dikawasan perniagaan, *cloud kitchen* dan membenarkan perniagaan *car boot sales*.
6. Bagi Program *Car Boot Sales*, sebanyak 30 petak telah disediakan di Bandar Tasik Seri Permaisuri yang akan akan dimanfaatkan oleh 30 usahawan secara penggiliran hari iaitu pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. DBKL juga menjangkakan konsep perniagaan ini akan akan berkembang dari semasa ke semasa kerana ianya telah menjadi satu *trend* perniagaan ringkas (*easy and smart bussiness*).
7. Buat masa ini, DBKL telah menyediakan satu pelan strategik khusus kepada penjaja di WPKL agar perniagaan yang dijalankan dibahu-bahu jalan dapat dipusatkan dan dijalankan secara sistematik seperti *car boot sales*. Dalam usaha ini, DBKL telah mengenalpasti beberapa lokasi strategik dan tumpuan (*hot spot*) di sekitar WPKL sebagai tarikan utama kepada perkembangan ekonomi ini.

8. Dalam usaha merencanakan lagi pelaksanaan program ini, pelbagai perancangan telah disediakan kepada semua usahawan food truckers termasuk penyediaan bantuan deposit RM10 ribu kepada usahawan baharu bagi mengurangkan beban penyediaan modal dan kos bagi pembelian food truck kepada usahawan muda yang berpotensi.
9. Selain itu, latihan pementoran turut disediakan disamping kolaborasi bersama industrial players, pengilang serta pembekal bahan mentah menjadikan mereka sebagai usahawan yang berdaya saing dan menerapkan penggunaan teknologi digital seiring dengan permintaan dan persekitaran semasa.
10. Kerajaan sentiasa berharap agar inisiatif ini akan dapat memberi lebih peluang kepada golongan B40 yang berpotensi menjadi usahawan. Program *Food Truck* ini akan diperluaskan pelaksanaannya ke seluruh parlimen di Wilayah Persekutuan dan pastinya ia akan mengubah perspektif warga kota terhadap imej konsep perniagaan yang konvensional kepada perniagaan moden ini dalam mencapai matlamat My City My Home.